

## **Imej haiwan dalam kartun lerang Langkawit melalui pendekatan ikonografi**

### **ABSTRAK**

Penulisan artikel ini bertujuan menganalisis fungsi imej haiwan dalam menghubungkan isu-isu semasa melalui kartun lerang Langkawit. Skop kajian dihadkan kepada empat karya terpilih imej haiwan dalam kartun lerang mengikut tema. Kajian ini menggunakan pendekatan Erwin Panofsky (1955) dalam memahami lapisan makna karya kartun lerang oleh Langkawit, sekali gus bagi mencapai objektif kajian. Maklumat berkaitan hasil koleksi kartun Langkawit didapati melalui pengumpulan data primer dan sekunder menerusi Kadazandusun Language Foundation (KLF), bahan bercetak seperti rujukan perpustakaan dan Arkib Negeri Sabah. Hasil kajian ini mendapati bahawa imej haiwan dalam kartun lerang Langkawit mempunyai simbolik yang berfungsi untuk memberi gambaran atau kritikan tentang nilai-nilai sosiobudaya, pendidikan, alam dan politik. Saluran imej haiwan karya Langkawit ini juga menjadi alat kiasan dan komunikasi yang berfungsi dalam menilai sesuatu isu, di samping menjadi senjata teguran khususnya di Sabah.